

BENCANA BANJIR

MANJUNG: FAKTA DAN ANGKA



LATAR BELAKANG

- Daerah Manjung pada sebelum tahun 1973 dikenali sebagai Daerah Dinding. Daerah ini pernah menjadi sebahagian dari Negeri-Negeri Selat yang pada ketika itu daerah ini berada di bawah pentadbiran Pulau Pinang. Daerah Dinding telah menjadi sebahagian dari Pulau Pinang sebaik sahaja Perjanjian Pangkor ditandatangani oleh pihak Britain dengan Sultan Perak pada ketika itu iaitu Sultan Abdullah. Perjanjian ini ditandatangani bagi menghentikan pertumpahan darah akibat dari 2 peristiwa utama iaitu perebutan takhta di antara kerabat-kerabat diraja Perak sebaik sahaja kemangkatan Sultan Jaafar dan peperangan di antara Puak Ghee Hin dan Hai San di Larut untuk merebut kawasan perlombongan bijih timah di Jajahan Larut Taiping. Sebagai syarat perjanjian tersebut, Sultan Perak perlu menerima seorang Residen British iaitu Sir JWW Birch, menyerahkan Jajahan Dinding kepada British, Perlantikan Penolong Residen di Taiping iaitu Kapten Speedy di Matang dan Sultan Ismail diturunkan dari takhta Perak.
- Daerah Manjung yang berkeluasan 1,095.3 kilometer persegi terbahagi kepada 5 mukim iaitu Mukim Beruas, Mukim Lekir, Mukim Lumut, Mukim Pengkalan Bharu, dan Mukim Setiawan. Jumlah penduduk di Manjung pada tahun 2025 adalah seramai 256.4 ribu.
- Majlis Perbandaran Manjung (MPM) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) utama bagi Daerah Manjung.
- Terjadinya banjir di daerah ini dipengaruhi oleh taburan hujan yang tinggi dan juga pertembungan air pasang besar di Perak.

Sumber: <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/manjung/info-ringkas1>
Mylocalstats Manjung, 2024



MENGIMBAS BANJIR BESAR DI MANJUNG

BANJIR TAHUN 2013

Seramai 1,055 mangsa banjir di Manjung ditempatkan di Dewan Orang Ramai Tebuk Yan, Dewan Taman Bintang, Sekolah Kebangsaan Sungai Batu dan Sekolah Agama Rakyat Padang Serai. Keadaan hujan yang berterusan itu juga menyebabkan penambahan jumlah mangsa di pusat pemindahan banjir.

Sumber: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/10/22/jumlah-mangsa-banjir-di-manjung-meningkat-lebih-1000-orang>



BANJIR TAHUN 2017


Jumlah mangsa banjir di pusat pemindahan banjir di daerah Manjung meningkat kepada 963 orang daripada 225 keluarga dan ditempatkan di 7 pusat pemindahan di Lumut, Sitiawan, Segari dan Pantai Remis.

Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/357457/mangsa-banjir-di-manjung-meningkat>



HIDROGRAF STESEN

Hydrograph for Station Jam. di Sg. Che Rahmat (F2)
(Manjung / Perak)
From 23/11/2025 11:00 to 03/12/2025 11:00



Paparan hidrograf menunjukkan paras air Stesen Sg. Che Rahmat (F2), Manjung dalam keadaan normal.

Sumber: <https://publicinfobanjir.water.gov.my/aras-air/data-paras-air/?state=PRK&lang=en>



BANJIR 2025

- Di Perak, daerah Manjung mencatat paling ramai mangsa iaitu 2,271 orang melibatkan 685 keluarga yang ditempatkan di 18 buah PPS.
- Taburan hujan yang tinggi dan berterusan selain pertembungan dengan fenomena air pasang dikenal pasti sebagai punca utama banjir di beberapa kawasan di Manjung menyebabkan sistem perparitan dan saliran sedia ada gagal menampung aliran air secara mendadak, sekali gus mengakibatkan limpahan di kawasan rendah.

PETA TABURAN PENDUDUK DAN HOTSPOT PPS



2,271



685



18



DI ANTARA SENARAI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) YANG DIBUKA

- SK Sungai Batu, Pantai Remis
- SK Beruas
- Dewan Harmoni Kampung Bakar Bata, Beruas
- Dewan Orang Ramai Kampung Banjar, Beruas
- SK Ayer Tawar
- Dewan Orang Ramai Kampung Batu 4, Segari
- SK Seri Nakhoda Batu 3, Segari
- SK Seri Selamat, Sitiawan
- SK Sungai Ramai, Ayer Tawar
- SK Muhammad Saman, Pasir Panjang



Sumber: <https://www.kosmo.com.my/2025/11/29/mangsa-banjir-di-perak-terus-catat-peningkatan-kini-6507-orang/>
<https://www.sinarharian.com.my/article/753945/edisi/perak/taburan-hujan-tinggi-pertembungan-air-pasang-punca-banjir-di-perak---exco>



RAMALAN CUACA

TARIKH	CUACA	RAMALAN
21/01/2026 Rabu	 Ribut petir di beberapa tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di beberapa tempat Malam: Tiada hujan Min: 24°C Maks: 33°C
22/01/2026 Khamis	 Tiada hujan	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24°C Maks: 33°C
23/01/2026 Jumaat	 Tiada hujan	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24°C Maks: 33°C
24/01/2026 Sabtu	 Ribut petir di beberapa tempat	Pagi: Ribut petir di beberapa tempat Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24°C Maks: 33°C
25/01/2026 Ahad	 Tiada hujan	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24°C Maks: 33°C
26/01/2026 Isnin	 Tiada hujan	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24°C Maks: 33°C
27/01/2026 Selasa	 Tiada hujan	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24°C Maks: 33°C

Sumber: <https://www.met.gov.my/forecast/weather/district/Ds029/>



IMPAK BANJIR

69 rumah di Perak dinaiki air akibat hujan lebat

Bernama
04/04/2025 | 13:15 MYT



Sebanyak 69 rumah di kawasan sekitar Lumut, Daerah Manjung, dan Batu Gajah, Daerah Kinta, dinaiki air akibat hujan lebat sejak tengah malam tadi. - Gambar/ APM

IPOH: Sebanyak 69 rumah di kawasan sekitar Lumut, Daerah Manjung, dan Batu Gajah, Daerah Kinta, dinaiki air akibat hujan lebat yang berlaku sejak tengah malam tadi.

Pusat Kawalan Operasi Daerah (PKOD) Angkatan Pertahanan Awam (APM) Daerah Manjung dalam kenyataan memaklumkan bahawa 10 rumah di Taman Hijau dan 21 rumah di Taman Sri Mawar, Astaka, Sitiawan terjejas akibat banjir, namun air telah surut sepenuhnya.

Sumber: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/69-rumah-di-perak-dinaiki-air-akibat-hujan-lebat-515149>

AM

Banjir: Lebih 300 Calon SPM Di Perak Dipindah Pusat Peperiksaan - Exco

01/12/2025 11:24 AM

IPOH, 1 Dis (Bernama) -- Seramai 306 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari empat sekolah di Perak dipindahkan ke pusat peperiksaan baharu susulan banjir di negeri itu ketika ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak Datuk Khairudin Abu Hanipah berkata mereka terdiri daripada 275 calon sekolah dan 31 calon persendirian yang terpaksa dipindahkan kerana keadaan sekolah tidak selamat susulan musibah banjir.

"Mereka ialah calon dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abdul Rahman Talib, Teluk Intan melibatkan 67 calon sekolah dan 11 calon persendirian yang berpindah ke SMK Seri Perak; calon dari SMK Seri Kandi, Teluk Intan melibatkan 59 calon sekolah yang akan mengambil peperiksaan di SMK Seri Setia.

"Calon dari SMK Tun Abdul Razak, Selekah, Badan Datuk seramai 93 (sekolah) dan 20 (persendirian) yang akan berpindah ke Dewan Masjid Tuminah Hamidi serta 56 calon sekolah dari SMK Datuk Idris, Pantai Remis, Manjung akan berpindah ke SMK Pantai Remis," katanya pada sesi soal jawab lisan di persidangan Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Jason Ng Thien Yeong (PH-Astaka) mengenai langkah kerajaan negeri terhadap pelajar di sekolah termasuk yang terlibat dengan bencana banjir.

Khairudin juga berkata turut dipindah ialah 20 calon dari Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan yang terlibat dengan insiden runtuhan cerun dan mereka akan mengambil peperiksaan di SMK Pangkor.

Setakat 8 pagi, Perak merekodkan sejumlah 4,766 mangsa daripada 1,447 keluarga yang masih berlindung di 30 pusat pemindahan sementara susulan banjir di lima daerah iaitu Hilir Perak, Manjung, Bagan Datuk, Perak Tengah serta Larut Matang dan Selama.

Menjawab soalan asal Jason mengenai keselamatan sekolah, Khairudin berkata kerajaan melalui Kementerian Pendidikan sentiasa memberi penekanan terhadap aspek Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan di premis berkenaan bagi menjamin kesejahteraan murid selain mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat serta kondusif.

Sumber: <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2497372>

9 laluan ditutup di Perak akibat tanah runtuh, banjir

SAIFULLAH AHMAD [Follow](#)

28 November 2025 11:38am
Masa membaca: 2 minit



Keadaan Jalan Ulu Licin di daerah Manjung yang ditutup akibat bencana. Foto FB JKR Daerah Manjung

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/758494/edisi/perak/9-laluan-ditutup-di-perak-akibat-tanah-runtuhan-banjir>

Banjir di Perak semakin buruk, lebih 1,700 mangsa dipindahkan

Abd Razak Mohd Ali
24/10/2025 | 06:00 MYT




JPNB menjangkakan jumlah mangsa akan terus meningkat memandangkan beberapa PPS masih belum merekodkan angka rasmi. - Foto APM Perak

IPOH: Keadaan banjir di Perak terus memburuk apabila seramai 1,776 mangsa di daerah Larut, Matang dan Selama (LMS) serta Manjung telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) setakat jam 4 pagi, Jumaat.

Sumber: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-di-perak-semakin-buruk-lebih-1700-mangsa-dipindahkan-544249>



DEMOGRAFI PENDUDUK MANJUNG



Sumber : 1. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Negeri Perak
2. Anggaran Penduduk Semasa Mengikut Daerah Pentadbiran, 2025
3. Perangkaan Sebab Kematian Malaysia, 2025
4. Mylocalstats Manjung, 2020
5. Mylocalstats Manjung, 2024
6. <https://www.statistics.gov.my/portal-main/next?id=3>



STATISTIK SOSIOEKONOMI & KEMUDAHAN AWAM, MANJUNG



PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN, 2024

	PURATA (RM)	PENENGAH (RM)
JUMLAH	6,612	4,387

RUMAH IBADAT



42 MASJID



26 TOKONG



18 KUIL



22 GEREJA

KESIHATAN

2 HOSPITAL
KERAJAAN



33 KLINIK
KERAJAAN

GUNA TENAGA



3.1% KADAR PENGANGGURAN
71% KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

KESELAMATAN



1 IPD
10 BALAI POLIS



5 BALAI BOMBA

PENDIDIKAN

81 SEKOLAH
RENDAH



21 SEKOLAH
MENENGAH

PAKW, 2024

Bandar
RM 4,085



Luar Bandar
RM 2,866

Sumber : INDIKATOR KOS SARA HIDUP MALAYSIA, 2024

KDNK, 2020




RM 9.02 Bilion

Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Daerah Pentadbiran, 2015-2020




BILANGAN PREMIS PERNIAGAAN MENGIKUT SEKTOR, MANJUNG



Sumber: Malaysia Statistical Business Register (MSBR), 2025



PORTAL DAN DASHBOARD DOSM : MEDIUM SEBARAN STATISTIK



OpenDOSM




MyAgeing Dashboard



MyLocal Stats



SDG




MyDemography



MyPAKW



Kalkulator Jangka Hayat



Portal Bencana NADMA

